

PM minta henti spekulasi

Abdullah nafi Majlis Tertinggi Umno akan panggil Dr Mahathir

Oleh Shamsul Kamal Amarudin
dan Mohd Hamizar Hamid

KAMPAR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua pihak tidak membuat sebarang andaian negatif mengenai senario politik negara ekoran kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap pentadbiran kerajaan baru-baru ini.

Sebaliknya, Perdana Menteri mahu mereka terutama pemimpin politik dan kerajaan menumpukan perhatian kepada usaha menjayakan se-

gala perancangan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Jangan melaporkan perkara yang tidak berlaku, kemudian buat pelbagai andaian. Itu yang jadi susah tu," katanya menjawab soalan pemberita selepas melancarkan Pertandingan Literasi Minda 2006 di Kolej Tunku Abdul Rahman di sini semalam.

Beliau ditanya mengenai pelbagai spekulasi mengenai Dr Mahathir, termasuk desas-desus kononnya bekas Perdana Menteri itu akan diminta hadir pada mesyuarat Majlis Terting-

gi (MT) Umno hari ini.

Mengulas perkara itu, Abdullah berkata: "Saya tidak tahu pun, saya sebagai Presiden Umno pun tidak ngetahui, macam mana awak lebih tahu daripada saya. Macam mana awak dapat benda yang tidak berlaku ni."

Perdana Menteri juga menegaskan, beliau tidak ada sebarang rancangan untuk mengadakan pertemuan dengan ahli MT Umno bagi membincangkan perkara berkenaan.

Beliau menjelaskan, pertemuannya dengan semua Menteri Besar dan

Ketua Menteri baru-baru ini menjurus kepada RMK-9 kerana beliau mahu tumpuan utama diberikan kepada perkara itu.

Mengenai dakwaan Pas kononnya MT Umno akan mengambil tindakan terhadap Dr Mahathir, Abdullah berkata: "Kalau nak dengar apa yang Pas cakap, susahlah kita (rakyat)."

Naib Presiden Pas, Datuk Husam Musa, pada sidang medianya Rabu lalu, mendakwa MT Umno yang bermesyuarat hari ini akan mengambil tindakan memecat Dr Ma-

hathir daripada Umno.

Kenyataan Husam itu, yang turut disiarkan dalam laman web Harakahdaily.Net mendakwa tindakan itu difahamkan akan diambil oleh Abdullah berikutan tindakan Dr Mahathir yang dianggap menyulitkan pentadbirannya sejak kebelakangan ini.

Husam mendakwa, sebelum ini Abdullah bertemu dengan Pengerusi Perhubungan Umno negeri kecuali Pengerusi Perhubungan Umno Johor dan Selangor yang tidak hadir.